

**Cina, India kurang patriotik kata menteri pertahanan
Malaysiakini.com
November 09, 2010**

Jumlah masyarakat Cina dan India yang rendah menganggotai angkatan tentera negara ini mungkin kerana kurangnya "semangat patriotisme", kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata demikian di Dewan Rakyat semasa sesi soal jawab apabila menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Mohd Jidin Shafee(BN - Setiu).

Mohd Jidin meminta perangkaan rekrut terbaru tentera sejak dua btahun kebelakangan ini dan pecahan jumlah itu mengikut bangsa.

Beliau juga ingin tahu punca atau sebab di sebalik kekurangan bangsa-bangsa tertentu menganggotai Angkatan Tentera Malaysia.

Zahid berkata 9,054 pegawai dan anggota lain-lain pangkat diserapkan ke ATM sejak dua tahun lalu, berbanding 14,749 yang direkrut pada 2006 hingga 2008.

Sepanjang 2008 hingga 2009, - 8,151 daripada mereka yang direkrut itu atau 90 peratus adalah Melayu, 26 orang atau 0.29 peratus adalah Cina, 82 orang atau 0.91 peratus India manakala 795 atau 8.8 peratus adalah bangsa-bangsa lain termasuk kalangan bumiputera dari Sabah dan Sarawak.

"Kementerian mendapati pembabitan bukan Melayu, khususnya di kalangan masyarakat Cina dan India di bawah tahap yang memuaskan."

Selain kekurangan "semangat patriotik", Zahid berkata ia juga mungkin dipengaruhi faktor-faktor lain.

"Mungkin kerana takut disiplin ketenteraan yang ketat, gaji yang rendah berbanding swasta atau tiada galakan daripada keluarga," kata Zahid.

Dilabel pengecut

Beliau juga berkata ia mungkin disebabkan kekurangan sokongan daripada masyarakat berkenaan sendiri ataupun tanggapan negatif terhadap ATM.

Namun kata Zahid, yang juga adalah ahli parlimen Bagan Datoh, kerajaan tidak pernah meletakkan kuota untuk ATM dan semua pengambilan rekrut baru dibuat berdasarkan kelayakan, minat dan juga secara sukarela.

Tidak puas hati dengan jawapan Zahid itu, ahli parlimen DAP yang mewakili Ipoh Barat DAP M Kulasegaran bangkit membuat bantahan menurut Peraturan Dewan 36(10)(c).

Kulasegaran menuntut menteri itu memohon maaf berhubung kenyataannya bahawa bukan Melayu kurang semangat patriotik punca mereka kurang minat menganggotai angkatan tentera.

Oleh kerana Zahid telah meninggalkan Dewan Rakyat ketika itu, Kulasegaran melabelkan menteri itu sebagai 'pengecut' meskipun sebelum itu telah dimaklumkan supaya terus

berada di parlimen.

Namun sebaliknya, speaker Tan Sri Pandikar Amin Mulia tidak mengarahkan Zahid untuk menarik balik kata-katanya tetapi menegur Kulasegaran kerana mengeluarkan kata-kata yang dianggap tidak sesuai, iaitu perkataan "pengecut".

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/147678>